

Gadis tingkatan 3 terlantar di hospital ditampar cikgu kerana kening



KOTA BHARU 22 JULY 2016. (KBM211S / KBB319R) Seorang pelajar perempuan Tingkatan Tiga, Siti Nursyahida Zulkifli, 15, kini terlantar di Hospital Raja Perempuan Zainab II, (HRPZ II) akibat mengalami masalah saraf selepas mendakwa ditampar seorang guru wanita di sebuah sekolah menengah di Tanah Merah, dalam kejadian Selasa lalu. NSTP/MUHAMAAD RAZIS ISMAIL

SITI Nursyahida terlantar di HRPZ II akibat mengalami masalah saraf selepas mendakwa ditampar seorang guru wanita dalam kejadian Selasa lalu.

Kota Bharu, Jun 23, 2016: Seorang pelajar perempuan tingkatan tiga terlantar di hospital akibat masalah saraf selepas

mendakwa ditampar guru wanita di sekolah menengah di Tanah Merah, Selasa lalu.

Dalam kejadian jam 8.30 pagi, itu, Siti Nursyahida Zulkifli, 15, mendakwa ditampar di belakang kepalanya tiga kali selepas didakwa mencukur keningnya.

Akibat kejadian itu, anak sulung daripada empat beradik itu dibawa di Hospital Tanah Merah (HTM) sebelum dirujuk ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) di sini rawatan lanjut selepas mengalami masalah saraf.

Ibu pelajar terbabit, Zakirah Zahari, 35, berkata, dia difahamkan, anaknya ditampar di depan perhimpunan sekolah selepas menafikan mencukur keningnya.

“Saya hanya menyedari anak seperti menahan kesakitan ketika mengambilnya untuk pulang ke rumah selepas tamat sesi persekolahan sebelum dia menceritakan apa yang berlaku sambil menangis.

Dapatkan akhbar Harian [Metro](#) untuk berita selanjutnya.